



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“MENGINGATI MATI”

21 Oktober 2022 / 24 Rabiul Awwal 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ¹:

﴿كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحِرَ عَنِ النَّارِ
وَأَدْخَلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَمَتَعُ الْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾﴾

Bermaksud: Setiap yang bernyawa akan merasai mati, dan sesungguhnya pada hari kiamat sahalalah akan disempurnakan balasan kamu. Oleh itu, sesiapa yang dihindarkan daripada neraka dan dimasukkan ke dalam syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya. Dan tiadalah kehidupan di dunia melainkan hanyalah kesenangan yang memperdayakan.
(Surah Ali Imran ayat 185)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan kecintaan kepada Allah SWT dengan beriman dan bertakwa; melaksanakan perintah dan menjauhi larangan Nya, mentaati dan tidak menderhakai Nya, mengingati dan tidak melupakan Nya, mensyukuri dan tidak mengkufuri Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini terus mendapat petunjuk dan hidayah Nya, dianugerahkan kejayaan dan keselamatan dunia dan akhirat. Mimbar akan memperdengarkan khutbah yang bertajuk: “MENGINGATI MATI”

Mati itu pasti berlaku, menjemput setiap yang bernyawa ke alam barzakh, tanpa mengira umur, pangkat mahupun kedudukan. Mati itu pemisah antara alam dunia dan alam barzakh, pemutus segala nikmat dunia yang sementara. Mati itu permulaan kepada

¹ Pujian kepada Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



perjalanan menuju hari kebangkitan. Mati itu *ainul yakin* iaitu hari yang semua peringatan Allah kepada manusia menjadi kenyataan. Mati datang pada masa yang telah Allah tetapkan tanpa dapat ditangguhkan. Firman Allah SWT:

﴿وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٤﴾﴾

Bermaksud: Dan bagi tiap-tiap umat ada tempoh (yang telah ditetapkan). Maka apabila datang ajalnya, tidak dapat mereka kemudikan dan tidak pula dapat mereka dahulukan walau sesaat pun. (Surah Al-A'raf ayat 34)

Para jemaah yang dilimpahi rahmat dan keberkatan Ilahi,

Mengapakah kita perlu mengingati mati? Apakah benar pendapat yang mengatakan, banyak mengingati mati akan menyebabkan kita mundur ke belakang? Sudah tentu tidak, kerana dalam sebuah hadis Nabi SAW, diceritakan seorang lelaki Ansar datang dan bertanya kepada Baginda;

قَالَ فَأَيُّ الْمُؤْمِنِينَ أَكْبَسُ قَالَ: أَكْثَرُهُمْ لِلْمَوْتِ ذِكْرًا وَأَحْسَنُهُمْ لِمَا بَعْدَهُ اسْتِعْدَادًا أُولَئِكَ الْأَكْبَسُ.

Bermaksud: Dia bertanya, “Mukmin manakah yang paling cerdas?” Baginda bersabda, “Yang paling banyak mengingati kematian dan yang paling baik dalam mempersiapkan diri untuk alam berikutnya, itulah mereka yang paling cerdas.” (Riwayat Ibnu Majah)

Mengingati mati tidak akan menyebabkan seseorang mundur dan terkebelakang, bahkan akan menjadikannya memiliki niat yang betul, selaras dengan maksud ayat 162, surah al-An'am; “Sesungguhnya solat ku, ibadat ku, hidup ku dan mati ku hanyalah untuk Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir seluruh alam”, lantas memastikan setiap usaha yang dilakukan di dunia, berbentuk ibadah. Apakah kelebihan mengingati mati sehingga Nabi SAW menggelar mereka orang yang cerdas? Antaranya;

Pertama: Mengingati mati menambah keimanan. Keimanan akan menjadikan seseorang lebih amanah, ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam setiap amalan dan pekerjaan.

Kedua: Mengingati mati menghindarkan kita daripada melakukan dosa dan kezaliman. Orang yang mengingati mati tidak mahu dosanya menjadi penghalang memasuki syurga; apatah lagi kezalimannya terhadap orang lain, akan menyebabkannya mufliis di akhirat kerana pahala kebaikannya akan diberikan kepada orang yang telah dizaliminya.



Ketiga: Mengingati mati menyebabkan kita membuat persiapan untuk menghadapinya. Persediaan dengan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh dan berusaha menyingkahkan larangan Ilahi. Persiapan menghadapi kematian turut bermaksud melakukan persediaan untuk ahli keluarga agar mereka yang ditinggalkan tidak berada dalam keadaan yang daif, susah, miskin dan melarat.

Keempat: Mengingati mati menjauhkan manusia daripada sifat sombong, bongkak, angkuh dan takabbur kerana insaf, apabila sampai saat kematian, semua kebanggaan duniawi ini pasti ditinggalkan.

Sidang Jemaah Rahimakumullah,

Apakah yang menghalang kita mengingati mati? Dalam sebuah hadis daripada Tsauban RA menceritakan Nabi SAW ketika menceritakan keadaan kelemahan umat Islam akhir zaman. Baginda bersabda bahawa umat ini akan ditimpa penyakit *al wahnu*. Apabila ditanya oleh para sahabat apakah yang dimaksudkan dengan *al wahnu*, Baginda menjawab, *al wahnu* ialah penyakit cinta dunia dan takut mati. Cinta dunia dengan maksud terlalu taksub mengejar nikmat dunia dan isinya sehingga melupakan akhirat. Islam ialah agama yang menggalakkan umatnya berusaha untuk mencapai kejayaan kehidupan dunia, namun jangan sampai melupakan akhirat yang kekal.

Oleh itu, hendaklah kita bermuhasabah. Adakah kita termasuk orang yang mendahulukan tuntutan ibadah yang diwajibkan berbanding kerja-kerja duniawi? Adakah kita berhenti melakukan kerja dan urusan, sebaik mendengar azan menyeru kita mendirikan solat? Adakah kita mengumpul kekayaan dengan menipu, mencuri, mengingkari janji, mengambil riba, atau lebih dahsyat lagi mengkhianati amanah dan melakukan rasuah? Jika jawapannya ya, maka kita sebenarnya tergolong dalam kumpulan yang disebut Nabi SAW menghadapi penyakit *al Wahan*. Insaflah! Penyakit yang terlalu taksub dan keterlaluan mencintai dunia, akan menyebabkan manusia melupakan akhirat, sekali gus akan menjerumuskan manusia tercampak ke dalam neraka jahanam menghadapi perit dan azab seksaan dibakar oleh api neraka.

Jemaah yang dikasihi Allah,

Banyakkan beristighfar dan bertaubat. Menurut Imam al Ghazali, syarat taubat hendaklah dimulakan dengan penyesalan akan perbuatan dosa sekali gus berazam meninggalkannya, lalu digantikan dengan amalan-amalan soleh; jika telah melakukan



kezaliman yang melibatkan hak orang lain, taubat hendaklah disusuli dengan mengembalikan hak tersebut kepada yang berhak sekali gus memohon maaf. Kepada yang berhutang, berusaha melunaskan hutang kerana hutang juga akan menjadi penghalang untuk kita mendapat balasan syurga di akhirat.

Di samping bertaubat, banyakkann *bertadabbur* (membaca dan mengambil pengajaran) daripada al-Quran dan Hadis Nabi SAW tentang kematian, selalu menziarahi orang sakit, serta menziarahi dan melakukan solat jenazah dan mengiringi jenazah ke tanah perkuburan. Ziarahlah kubur kerana perbuatan tersebut adalah antara suruhan Nabi untuk mengingati mati.

Hadirin yang dimuliakan,

Mimbar memperingatkan;

Pertama: Kematian adalah benar, soalan Mungkar dan Nakir adalah benar, bangkit dari kubur yakni dihidupkan semula adalah benar, berhimpun di Padang Mahsyar adalah benar, ditimbang segala amalan adalah benar, balasan nikmat syurga dan balasan azab neraka adalah benar.

Kedua: Persiapkan diri untuk bersedia menghadapi kematian dengan ketabahan, ketenangan dan keredaan, mentafsirkan kematian sebagai ketika yang akan membawa roh kita menempuhi alam baharu yang dipenuhi nikmat lebih hebat daripada apa yang dialami di dunia ini. **Ketiga:** Sediakan bekalan untuk alam akhirat dengan mengambil ingatan Hadis Nabi SAW yang bermaksud “Apabila seseorang anak Adam itu meninggal dunia, maka terputuslah amalan kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dengannya, dan anak soleh yang mendoakan untuknya”. Perbanyakkan bersedekah, sampai dan sebarkan ilmu sebanyak mungkin, dan didiklah anak-anak agar menjadi anak yang soleh.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَآلِفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Semoga kehidupan sementara kami di dunia ini, disudahi dengan pengakhiran yang baik. Jauhi kami daripada lebih mencintai dunia hingga memesonkan hati kami terpengaruh dengan bisikan syaitan yang dilaknati Allah yang boleh mengakibatkan kami tercampak ke dalam neraka jahanam. Hidupkan hati kami dengan cahaya iman Mu agar mencapai keredaan Mu.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.